

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 19 OGOS 2019

MUKA SURAT: 37

Terap budaya bersih dalam diri - Tengku Hassanal

KUANTAN 18 Ogos - Semua rakyat diminta menjadikan budaya bersih sebagai disiplin diri di mana sahaja mereka berada termasuk di tempat awam seperti kawasan pantai.

Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah bertitah, amalan kebersihan akan membawa kepada persekitaran sihat, selamat dan impak kesejahteraan kepada umum.

"Saya hadir pada program *plogging* iaitu berjoging sambil memungut sampah di Pantai Sepat ini untuk mengambil kesempatan mendidik masyarakat tentang budaya bersih.

"Budaya ini (bersih) kita perlu terapkan di mana sahaja kita berada termasuk di kawasan pantai, contohnya apabila pantai kita bersih, ramai orang khususnya pelancong akan datang ke pantai kita," titah baginda

pada program tersebut di Pantai Sepat di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Abdul Rahim Muda dan Pegawai Daerah Kuantan, Tengku Datuk Nor Asmaliza Ku Lah.

Acara *plogging* itu disertai lebih 1,000 peserta daripada agensi kerajaan dan pelajar sekolah di sekitar daerah ini.

Pada program anjuran Youth For Change itu, lebih satu tan sampah berjaya dikumpulkan dari sekitar kawasan Pantai Sepat.

Sementara itu, Tengku Nor Asmaliza berkata, selain Pantai Sepat, program itu akan diteruskan di beberapa kawasan lain termasuk di Teluk Cempedak, Balok dan Indera Mahkota.

"Pada program ini, pelbagai sampah sarap kita berjaya kutip antaranya botol dan lampin pakai buang," katanya.



TENGGU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH AL-SULTAN ABDULLAH (tiga dari kanan) bersama peserta menimbang sampah yang dikumpul di sekitar Pantai Sepat dalam program *plogging* di Kuantan, Pahang, kelmarin. - BERNAMA